KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	14/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	TNB			

Kempen *myTNB Giveaway*

UM 14 Okt 2021_36



KEMPEN myTNB Giveaway menawarkan baucar shopee untuk dimenangi pelanggan bertuah.

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah melancarkan kempen *myTNB Giveaway* yang berlangsung dari 16 September sehingga 31 Oktober 2021.

Kempen tersebut memberi peluang kepada pelanggan TNB untuk menjadi antara 500 pemenang baucar Shopee bernilai RM100 setiap satu.

Kempen itu terbuka kepada setiap pelanggan yang menghubungkan akaun elektrik kediaman mereka dengan aplikasi atau portal myTNB.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, aplikasi *myTNB* telah berkembang pesat sejak diperkenalkan pada 2013.

"Sokongan dan maklum balas daripada pelanggan telah mendorong TNB untuk meningkatkan perkhidmatan agar menjadi lebih baik.

"Usaha itu telah menyumbang kepada peningkatan pengguna *myTNB* daripada 1.4 juta sebelum pandemik kepada 5.3 juta setakat ini.

"Justeru, kami akan terus berusaha untuk memudahkan urusan pelanggan menerusi inovasi berdasarkan keperluan setiap pelanggan dan kemajuan teknologi dalam memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang," katanya dalam kenyataan.

Bagi yang berminat, terdapat dua langkah mudah untuk menyertai kempen itu.



MEGAT JALALUDDIN MEGAT HASSAN

Pertama, pelanggan perlu melakukan mana-mana transaksi seperti pembayaran penuh bil elektrik, permohonan baharu untuk penyambungan elektrik, menaik taraf bekalan elektrik kepada tiga fasa atau melakukan permohonan pertukaran penyewa di aplikasi atau portal *myTNB* sepanjang tempoh kempen.

Kedua, mereka perlu menyiarkan satu catatan di akaun media sosial, menyatakan mengapa *myTNB* menjadi pilihan mereka dengan melengkapkan ayat, "*#ilovemyTNB* kerana...." tidak lebih daripada 15 patah.

Bagi tujuan semakan, hantaran media sosial tersebut perlu ditetapkan agar dapat dilihat umum. Seramai 500 pemenang akan dipilih.

Pemenang bagi kumpulan pertama telah dihubungi pada awal Oktober lalu menerusi e-mel yang telah didaftarkan.